

TEMA 1:KAEDAH SAINTIFIK

BAB 1 : PENGENALAN KEPADA PENYIASATAN SAINTIFIK

1.1 Sains adalah Sebahagian daripada Kehidupan Sehari-hari

Apakah Sains?

1. Apakah yang anda tahu tentang sains? **Sains** ialah suatu _____ hasil daripada _____ yang sistematik tentang segala benda dan kejadian dalam alam sekitar. Cuba anda perhatikan **fenomena semula jadi** yang berlaku di sekeliling anda dan kaitkannya dengan sains.
2. Fenomena alam semulajadi yang berlaku di sekeliling kita boleh dijelaskan melalui _____. Seekor berudu yang bertukar menjadi seekor katak dewasa, sebiji buah kelapa yang jatuh ke tanah dan seketul ais yang sedang mencair, adalah merupakan antara contoh-contoh fenomena alam semula jadi.
3. Senaraikan fenomena semulajadi yang terdapat dalam buku teks anda..
 - a. _____
 - b. _____
 - c. _____
 - d. _____
4. Bincangkan bagaimana ianya terjadi? Adakah terjadi secara semula jadi atau buatan manusia? _____
5. Semua ini boleh difahami melalui kajian sains. Pengetahuan saintifik sentiasa berkembang. Pengetahuan ini boleh diperolehi melalui _____ yang teliti, _____ yang mendalam dan juga melalui _____ secara saintifik.

Kepentingan sains dalam kehidupan harian

1. Sains merupakan sebahagian daripada kehidupan sehari-hari kita. Makanan, pakaian serta peralatan yang kita gunakan juga mempunyai kaitan dengan sains.
2. Sains juga banyak membantu kita dalam menghasilkan lebih banyak makanan, bahan-bahan baru serta peralatan-peralatan yang berguna bagi kita.
3. Melalui kajian sains juga, banyak pengetahuan serta penemuan baru diperolehi. Ini dapat _____ taraf hidup serta kualiti alam sekitar kita.

Kepentingan sains dalam kehidupan sehari-hari

	
Menyumbang kepada bidang _____ seperti pembinaan bangunan pencakar langit yang canggih	Penciptaan satelit menyebabkan _____ menjadi lebih cepat dan efektif.
	
Meningkatkan hasil _____ dengan penemuan baja, racun serangga dan penggunaan kaedah hidroponik.	Penemuan vaksin dan antibiotik dalam bidang perubatan membantu mengawal _____ berjangkit dan mengurangkan kadar kematian